

Kerangka Model Mengajar dari Hati ke Hati (MHH) Satu Cadangan Pendekatan Penyampaian Ilmu Bahasa

Framework Model of Teaching from the Heart to Heart (MHH) as a Proposed Approach to the Delivery of Language Sciences

Wazzainab Binti Ismail¹, Hafida Mohamed Nordin², Noorazimah Binti Ismail³

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
26 FERBUARI 2019	6 MEI 2019	22 JULAI 2019

ABSTRAK

Amalan yang baik secara persepsi zahir sukar dilihat impak positif tanpa kesucian hati dalam interpretasi amalan tersebut. Inilah refleksi penting fungsi hati yang dikhabarkan Nabi Muhammad saw dalam hadis bahawa jika rosak seketul daging ini, rosaklah kesemuanya, jika baik, baiklah kesemuanya, itulah hati. Dalam usaha merealisasikan definisi tertera fungsi hati amat penting. Iaitu hati pemberi dan penerima ilmu. Ini kerana Islam amat mementingkan amalan yang berteraskan keikhlasan hati. Manakala penulis buku Learning by Heart, Roland Barth menyatakan adalah satu keperluan menjadikan tempat belajar itu menyeronokkan pelajar. Barth usaha menukar proses pembelajaran yang kompleks kepada keadaan dan suasana yang menyemai keharmonian dan lebih menghargai sifat kemanusiaan. Maka kajian ini melihat kepada keperluan membina kerangka Model Mengajar dari Hati ke Hati MMH sebagai satu cadangan pendekatan penyampaian ilmu bahasa. Kajian bertujuan mengkaji ciri-ciri Model MHH dalam penyampaian ilmu bahasa serta memperlihat keperluan sokongan pelajar, guru dan ibu bapa dalam menjayakan pelaksanaan model MHH. Metodologi kajian kualitatif melalui temu bual pelajar, guru atau pensyarah dan ibu bapa akan membantu membina Model MHH dalam usaha menambah baik proses pengajaran ilmu bahasa. Dapatan kajian merumuskan bahawa Kerangka Model MHH sebagai satu cadangan pendekatan untuk penyampaian ilmu bahasa terdiri daripada 4 komponen utama iaitu keikhlasan, kasih sayang, komited dan kreatif (4K). Ciri-ciri Model MHH=4K akan membantu pelajar dalam bidang akademik dan pembinaan sendiri.

Kata kunci: hati, kerangka, model, penyampaian, ilmu bahasa

ABSTRACT

The positive impact of a good practice is difficult to be seen on the surface without the purity of heart in the interpretation of such practices. This is an important reflection of the function of the heart as said by Prophet Muhammad (PBUH) in the Hadith "...there lies within the body a piece of flesh. If it is sound, the whole body is sound; and if it is corrupted, the whole body is corrupted. Verily this piece is the heart." In order to realize the definition, it is shown that the function of heart is important. It is the heart of the giver and the receiver of knowledge. This is because Islam is very concerned in the practice which is based on the sincerity of heart. Meanwhile, the author of the book Learning by Heart, Roland Barth

¹ Wazzainab Binti Ismail, Phd Candidate, USIM, Pensyarah B.Arab, Jbt. Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS, wazzainab@kuis.edu.my.

² Hafida Mohamed Nordin. BHsc. English Language and Literature, Pensyarah B.Inggeris, Jbt. Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, KUIS. hafida@kuis.edu.my.

³ Noorazimah Binti Ismail. Diploma Mekanikal Tekstil, Tenaga Pengajar Kelas Tambahan (Imah-Hometuition), Taman Mutiara, Karangan, Kedah. noorazimahismail89@gmail.com.

expressed that there is a necessity to make the study location fun for students. Barth in his effort had changed the complex learning process to the situation which instil harmony and appreciate the nature of humanity. Therefore, the study in view of the need to build the framework of the Model of Teaching from the Heart to Heart MHH as a proposed approach to the delivery of language sciences. The study aims to review the characteristics of the MHH Model in language sciences delivery as well as the students, teachers and parents' support in the success of the implementation of the MHH model. Qualitative research methodology through the students, teachers or lecturers and parents' interview will help in building the MHH Model in an effort to improve the teaching of language sciences. The Findings summarize that the Framework of MHH Model as a proposed approach to the delivery of language sciences consists of 4 main components: namely the sincerity, love, commitment and creativity (SLCC). Characteristics of MHH Model=SLCC will help students in academic and self-construction.

Keywords: heart, framework, model, delivery, language sciences

Pengenalan

Hati yang baik akan mencorakkan kemurnian dan keindahan sesuatu kerja. Setiap ilmu dan pengajaran bahasa guru, pelajar dan ibu bapa amat berharap kesannya adalah pelajar dapat menguasai ilmu dan bahasa. Namun cabaran dan kekangan kadang kala menjadi penghalang kepada proses penyampaian ilmu dan bahasa dengan baik. Kekangan mungkin datang dari pihak pelajar atau guru atau ibu bapa. Seperti yang dinyatakan Mohd Syakir (2015) tentang pendidikan hati ke hati di ISDEV bahawa walaupun telah dijelaskan beberapa etika masih terdapat para pelajar yang membuat sambil lewa dengan akhlak. Walaupun telah mengikuti pengajian minggu demi minggu, namun masih terdapat para pelajar yang hadir lambat ke kelas dan dalam program-program. Kesabaran para pensyarah terbukti apabila masih memberi peluang kepada para pelajar untuk memahami budaya di ISDEV. Para pensyarah akan cuba menyelami permasalahan pelajar. Kenyataan ini memperlihatkan peranan pensyarah dalam usaha menyemai benih-benih pendidikan hati ke hati.

Di sini peranan hati amat diperlukan agar usaha penyampaian ilmu berlaku dengan sebaik mungkin. Maka alam menuntut imu perlu meneruskan usaha penambah baikan agar ilmu dan bahasa mampu dikuasai dengan sempurna.

Pernyataan Masalah

Kekurangan perkataan bahasa Arab menjadikan pelajar berasa kecewa, kurang keyakinan, takut dan malu sekiranya berlaku kesilapan dalam pertuturan dalam bahasa tersebut (Ashinida, 2012). Terdapat masalah penggunaan kosa kata yang kurang tepat dalam pertuturan, penggunaan kosa kata yang tidak diperlukan dalam pertuturan serta meninggalkan kosa kata yang sepatutnya ada dalam struktur ayat (Azani, Azman & Mat Taib, 2012). Selain itu, isu kekurangan kosa kata menjadi faktor utama menyebabkan terhalangnya proses pertuturan dalam bahasa Inggeris dengan lancar dan gagal menyampaikan mesej dengan jelas (Gan, 2012). Oleh itu, kosa kata adalah antara isu permasalahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab dan Inggeris. Kajian di atas juga menunjukkan bahawa pelajar masih tidak dapat menguasai ilmu sintak dan morfologi sehingga menyebabkan mereka tidak dapat berbahasa dengan baik dalam bahasa Arab dan Inggeris.

Manakala berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Adnan & Muhammad Firdaus (2014), di kalangan pelajar IPTA terpilih di Malaysia, faktor yang menyebabkan kelemahan berbahasa Arab adalah kerana kurang menguasai *Nahw* dan *Sarf*. Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian ini mendapati kekangan dan juga halangan yang dihadapi oleh pelajar ialah tiada dorongan dan semangat daripada yang lain. Dorongan yang dinyatakan termasuk peranan ibu bapa dalam usaha membantu pembelajaran anak-anak. Maka dunia penyampaian ilmu dan bahasa menceritakan pelbagai cabaran. Peranan penyampai ilmu iaitu guru manakala penerima adalah pelajar. Seterusnya penyokong dan pembantu utama iaitu ibu bapa.


Routledge (2019) pula melihat peranan guru di sekolah amat penting. Kajian beliau menerangkan tentang impak hati dalam proses pembelajaran seperti yang dinyatakan penulis buku *Learning by Heart* oleh Roland Barth. Menurut Barth adalah satu keperluan menjadikan tempat belajar itu menyeronokkan pelajar. Barth cuba menukar proses pembelajaran yang kompleks kepada suasana yang menyemai keharmonian dan kemanusiaan. Pandangan ini dilihat perlu agar ilmu diperoleh dalam keadaan pelajar rasa suka dan gembira. Bukannya belajar dalam tekanan. Maka peranan hati amat penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Rumusan permasalahan kajian ini dapat disimpulkan bahawa peranan pelajar, guru atau pensyarah dan ibu bapa sangat jelas dalam usaha memacu kegemilangan pelajar dalam penguasaan ilmu bahasa Arab dan Inggeris. Oleh itu satu model pengajaran yang baik perlu dibina agar semua individu berjaya menjalankan tugas dengan baik.

Objektif Kajian

Kajian dijalankan bagi:-


1. Mengkaji ciri-ciri pembinaan Kerangka Model Mengajar dari Hati ke Hati (MHH) sebagai satu pendekatan penyampaian ilmu bahasa.
2. Meneroka peranan pelajar, guru dan ibu bapa untuk pembinaan Kerangka Model Mengajar dari Hati ke Hati (MHH) sebagai satu pendekatan penyampaian ilmu bahasa.

Teori Dan Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1: Kerangka Teori Kajian

Rajah menunjukkan teori kajian yang diambil daripada matan Hadis Rasulullah saw. Hadis yang menjadi panduan agar setiap perbuatan yang dilaksanakan hendaklah memastikan ketulusan hati. Rasa yang baik akan mewarnai secara positif tugas yang dijalankan, sebaliknya rasa yang buruk dan negatif akan menyebabkan sesuatu tugas yang dijalankan akan membawa kesan buruk.



Rajah 2: Kerangka konseptual kajian.

Kerangka kajian menjelaskan hubungan antara:

- Pemasalahan Kajian (PK): Isu penguasaan ilmu bahasa Arab dan Inggeris.
- Objektif Kajian (OK):
 - 1- Mengkaji ciri-ciri pembinaan Kerangka Model Mengajar dari Hati ke Hati (MHH) sebagai satu pendekatan penyampaian ilmu bahasa.
 - 2- Meneroka peranan pelajar, guru dan ibu bapa untuk pembinaan Kerangka Model Mengajar dari Hati ke Hati (MHH) sebagai satu pendekatan penyampaian ilmu bahasa.
- Metodologi Kajian (MK): Temu bual
- Dapatan Kajian (DK): Kerangka Model Mengajar dari Hati ke Hati (MHH). Model ini sedikit berkait dengan Teori Pendidikan hati ke hati di ISDEV. (Mohd Syakir, 2015)

Secara ringkas kerangka konseptual kajian menerangkan bahawa isu pengajaran bahasa memerlukan model yang bersesuaian. Ciri model dan peranan pelajar, guru dan ibu bapa dikumpulkan secara temu bual. Kemudian dapatan temu bual dianalisis dan dibina satu model yang berasaskan teori Hadis Rasulullah saw bahawa satu perkara yang dilakukan tanpa kehadiran hati yang baik maka amalan itu tidak mendatangkan faedah.

Kajian Literatur

Proses Pembelajaran Melalui Hati

Penulis buku *Learning by Heart* oleh Roland Barth menyatakan bahawa tempat belajar sepatutnya menjadi satu tempat yang disukai pelajar. Maka terdapat keperluan menukar proses pembelajaran yang kompleks kepada keadaan dan suasana yang menyemai keharmonian dan lebih menghargai sifat kemanusiaan adalah pasak kepada proses pembelajaran dengan hati. Oleh itu ilmu diperoleh dalam keadaan pelajar mahu, sedia dan seronok. Bukannya pelajar berasa tertekan dan dipaksa secara negatif Routledge (2019). Pemikiran Ahmad Fahmi Zamzam tentang Pendidikan Hati menunjukkan bahawa seseorang yang memiliki “kecerdasan” belum mampu menjadi jaminan keberhasilan di dalam pendidikan. Bahkan banyak yang mengeluh karena kenakalan seseorang yang cerdas (dilihat dari pendidikan dan ilmunya). Ilmu yang dimiliki belum memadai untuk menjadi jaminan bahwa seseorang telah benar-benar mendapat ilmu. Akhmad Syahbudin (2017). Kajian ini menjelaskan bahawa ilmu tanpa akhlak bukan bermakna seseorang itu berilmu. Mohd Syakir (2015) pula menerangkan bahawa Strategi Pendidikan Hati Ke Hati dari Pengalaman di

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (Isdev), Universiti Sains Malaysia, adalah proses menyatukan ilmu fardu ain dan fardu kifayah dalam suasana menitikberatkan fungsi menyampai dan menerima ilmu melalui hati yang terpelihara daripada sifat-sifat negatif.

Hati dalam Hadis dan Menurut Pandangan Sarjana Islam

Sheikh Abd Rahman Ibn Fahd (2017) menerangkan tentang Hadis berkaitan hati.

عن النعمان بن بشير رضي الله عنهما قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: «أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ . متفق عليه

Hadis Sahih yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, yang bermaksud: bukankah sesungguhnya pada jasad itu ada seketul daging, jika baik ia, maka baik jasad seluruhnya, jika rosak ia maka rosaklah jasad seluruhnya. Ianya adalah hati.

رواه البخاري في كتاب الإيمان، باب فضل من استبرأ لدينه / 1 (28) (52)، ومسلم في كتاب البيوع، باب أخذ الحلال وترك الشبهات 3 / 1219 (1599)

Diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dalam bab Kitab Al-Iman dan Imam Muslim dalam bab Kitab Jual beli.

Sheikh Abd Rahman Ibn Fahd (2017) menyatakan faedah Hadis yang tertera iaitu kesempurnaan satu amalan itu bergantung kepada kebaikan yang ada pada hati. Artikel berbahasa Arab dari laman sesawang dorar.net yang bertajuk: Perbuatan anggota badan adalah mengikut percaturan hati menyatakan tentang pandangan para ulama' tentang hati:

- 1- Ibn Qayyim berkata: "Hati adalah akar dan penentu sesuatu perbuatan, manakala amalan anggota badan yang lain hanya pengikut ketetapan hati."
- 2- Sheikh Islam berkata: "Hati adalah punca segalanya. Anggota badan mustahil mampu menyalahi kehendak hati."
- 3- Abu Hurairah berkata: "Hati adalah raja dan anggota badan adalah rakyat." Apabila baik raja, maka baik juga rakyatnya.

Abdul Salam Yussof (2010) dalam Ahmad A'toa (2017) menjelaskan bahawa Imam Al-Ghazali sangat menitik berat pendekatan terhadap pendidikan hati iaitu ilmu al-Mukasyafah (ilmu laduni iaitu ilmu terus dari Allah SWT dan dimasukkan ke dalam hati manusia yang putih bersih daripada dosa dan maksiat). Seterusnya Dr. Ameenah Bilal Philips (2015) dalam bukunya "Essay On The Heart", beliau menulis buku tersebut berdasarkan buku tulisan Ibnu Taymiyyah iaitu:

- 1- Fungsi utama hati adalah rohani dan bukan fizikal.
- 2- Hati adalah tempat di mana minda tinggal.
- 3- Sebagai hati diciptakan untuk mengetahui perkara-perkara, usaha mencapai sesuatu daripada keinginan untuk pengetahuan dipanggil pemikiran dan refleksi. (Mohd Norzi & Ahmad Yani, 2015).

Bahasa dan Ilmu Bahasa

Ilmu bahasa yang utama ialah Sintak, Morfologi dan Retorik. Manakala kemahiran bahasa ialah mendengar, bertutur, menulis dan membaca. Bahasa Arab dan bahasa Inggeris adalah bahasa yang sangat penting selepas bahasa Melayu. Bahkan bahasa Inggeris sangat perlu dikuasai. Namun penguasaan ilmu dan kemahiran bahasa ini masih lemah. Terdapat pelbagai isu dan permasalahan dalam usaha penguasaan kedua bahasa tersebut. Oleh itu pembinaan model yang sesuai dilihat adalah antara usaha memperbaiki proses penyampaian bahasa dan ilmu bahasa.

Model Pengajaran

Mustari, M. I., Jasmi, K. A., Muhammad, A. & Yahya, R. (2012) dalam kajian mereka telah menjelaskan beberapa jenis Model Pengajaran. Diantaranya:

-Model Pengajaran Robert Glaser: Model yang membahagikan proses pengajaran kepada empat komponen utama iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada pelajar, kaedah mengajar dan penilaian. Menurut beliau, objektif pengajaran harus ditentukan sesuai dengan pengetahuan sedia ada pelajar. Kemudian, kaedah mengajar juga harus dipilih berdasarkan objektif pengajaran dan pengetahuan sedia ada pelajar. Guru dapat mengubahsuai proses pengajarannya demi meningkatkan keberkesanan pengajaran pada masa hadapan.

-Model Pengajaran Sim: iaitu proses pengajaran yang berlaku adalah melalui interaksi di antara guru, murid, isi pelajaran dan juga objektif. Model berlandaskan konsep pengajaran sebagai bidang komunikasi yang menekankan perhubungan yang baik antara guru dengan murid supaya menimbulkan interaksi yang sihat dan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

-Model Pengajaran Taba: Model yang menekankan penyusunan bahan-bahan pengajaran dalam suatu sistem yang sesuai yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir pelajar. Ia adalah model operasi kognitif melalui empat peringkat; menyusun data atau fakta dengan memerhati ciri-ciri persamaan dan perbezaan, mengelas fakta-fakta menjadi kategori dan memberi label kepadanya, membuat generalisasi atas kesimpulan dan hubungan-hubungan antara kategori-kategori itu serta mengaplikasi generalisasi yang diperolehi.

-Model Latihan Terus: Model ini merupakan satu model pengajaran yang bertujuan untuk membantu pelajar mempelajari ilmu pengetahuan atau kemahiran asas yang boleh diajar dengan cara langkah demi langkah. Model ini juga dikenali sebagai 'Model Latihan' dan 'Model Pengajaran Aktif'.

-Model Inkuiri: Model ini merangkumi segala proses soal selidik untuk mendapatkan jawapan atau kesimpulan daripada soalan atau daripada masalah yang dikemukakan. Aktiviti soal selidik ini memerlukan pelajar mengenal pasti soalan bermasalah, membentuk hipotesis, merancang aktiviti kajian, menjalankan kajian atau siasatan dan seterusnya mendapatkan jawapan dan membuat rumusan.

Hati Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran, Peranan Guru atau Pensyarah dan Peranan Pelajar

Mengajar dengan hati oleh Ahmad Taufik (t.t) menyatakan bahawa “pendidikan adalah sebuah dunia yang lahir dari kasih sayang. Pendidikan harus berlangsung dalam suasana kekeluargaan dengan pendidik sebagai orang tua dan anak didik (murid) sebagai anak. Guru tidak dibatasi waktu dan tempat dalam mendidik siswa. Guru harus ikhlas dalam memberikan bimbingan kepada para siswanya sepanjang waktu. Guru harus pandai memenej (mengawal) emosinya secara baik dan canggih (hemah). Guru harus mampu menjadi sosok yang pemaaf dan sentiasa mendoakan anak didiknya”.

Dakwatuna (2014) menyatakan tentang Guru Qolbu, “yakni guru yang benar-benar jadi puncak, guru dengan level tertinggi. Yakni guru yang penampilannya berbasis kualitas qalbu atau hatinya, secara tulus ikhlas. Pengajaran kognitif memberi dampak kepada sulitnya


pelajaran diserap oleh murid. Seringkali kita melihat bahwa murid yang membenci guru matematika akan membenci pelajaran matematika”. Secara ringkas dapat disimpulkan bahawa pendidikan adalah amalan yang mulia, ianya perlu berlaku dalam keadaan yang penuh kasih sayang dan kebaikan. Guru masanya tidak terbatas dalam membantu anak murid. Guru perlu ikhlas, pemaaf, mengawal diri. Guru yang hebat hatinya mampu menyampaikan ilmu yang sukar dengan cara yang paling sesuai agar mudah difahami murid. Maka aktiviti kognitif dipermudahkan dengan kesungguhan, keprihatinan dan kasih sayang. Guru juga mampu mengawal kegagalan murid.



Rajah 3: Ciri-Ciri Guru Yang Memiliki hati yang hebat oleh Rusul Alrubail (2015).

Rumusan rajah tersebut menjelaskan ciri-ciri guru yang mengajar dengan hati.

1. Guru adalah seorang yang baik kepada semua. Hubungan yang baik dengan pelajar, sesama rakan sekerja, pegawai pengurusan, ibu bapa dan masyarakat.
2. Guru mestilah seorang yang sentiasa yang bersemangat, berkarisma dan kreatif.
3. Guru seorang yang berusaha memahami keadaan semua anak didiknya.
4. Guru itu perlu seorang yang positif agar mudah mengawal segenap keadaan dalam hal kerja dan kehidupan.
5. Guru perlu memiliki sifat yang mampu mencungkil potensi pelajar. Seorang guru mampu melahirkan anak murid yang bakal berjaya dalam pelbagai bidang. Maka peranannya sangat besar dan penting.
6. Guru adalah satu inspirasi kepada anak didiknya. Pelajar menjadi lebih bersemangat dan lebih cemerlang. Guru menjadi contoh teladan untuk pelajar bertambah maju.



Rajah 4: Peranan Hati Secara Saintifik dalam Pembelajaran dan Pencapaian (The Scientific Role of the Heart in Learning and Performance) oleh Dr. Rollin McCraty (2016).

Bacaan rajah di atas adalah hasil kajian yang menunjukkan hubungan yang erat antara hati, pembelajaran dan pencapaian.

Rajah tersebut melakarkan peranan pelajar yang belajar sepenuh hati:

- 1- Pelajar mempunyai daya kemahiran pemikiran aras tinggi.
- 2- Sentiasa bersedia untuk belajar.
- 3- Keupayaan mengeluarkan keputusan.
- 4- Bersedia untuk ujian dan latihan.
- 5- Mengawal emosi dan berinteraksi dengan baik dalam hubungan sosial sesama pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat.
- 6- Pembelajaran berkesan membawa pencapaian yang cemerlang.

Rumusan kajian literatur dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa kajian terkini yang mendokong hati diletak sebagai tunggak proses pembelajaran. Routledge (2019), Mohd Syakir (2015). Memberi dan menerima ilmu yang dihubungkan dengan hati adalah sangat berkaitan dengan akhlak. Akhmad Syahbudin (2017), Ahmad Atoa (2017), Mohd Syakir (2015). Maka amat jelas peranan hati dalam memastikan sesuatu amalan itu dilakukan dengan sebaiknya seperti yang dikhabar Rasulullah saw dan para sarjana Islam. Sheikh Abd Rahman Ibn Fahd (2017), Abdul Salam Yussof (2010) dalam Ahmad A'toa (2017) dan Dr. Ameenah Bilal Philips (2015) dalam (Mohd Norzi & Ahmad Yani, 2015). Pemasalahan kajian yang menyenaraikan isu dan cabaran penguasaan pelajar terhadap bahasa dan ilmu bahasa dilihat memerlukan model pengajaran baru agar ilmu itu diletak di hati. Azani, Azman & Mat Taib, 2012), (Ashinida, 2012), Adnan & Muhammad Firdaus (2014) dan (Gan, 2012). Manakala Ibu bapa, guru dan pelajar perlu sama-sama memainkan peranan. Adnan & Muhammad Firdaus (2014). Merujuk deretan model pengajaran yang sesuai pula perlu dipilih untuk penyampaian bahasa dan ilmu bahasa. (Mustari, M. I., Jasmi, K. A., Muhammad, A. & Yahya, R., 2012) Pendekatan memilih Hadis Rasulullah saw sebagai sandaran teori kajian adalah satu tindakan perlu penyelidikan kini untuk menyemarakkan kelebihan sabda Rasulullah yang tidak terbatas maklumatnya. Mengaplikasi peranan hati, proses pengajaran ilmu bahasa yang betul dan kesungguhan guru, pelajar dan ibu bapa adalah kunci pembinaan satu kerangka model Mengajar dari hati ke hati MHH untuk penyampaian ilmu bahasa seperti

yang dipaparkan diskusinya tentang kaitan hati pada diri guru dan impaknya yang positif pada diri pelajar. Ahmad Taufik (t.t), Dakwatuna (2014), Rusul Alrubail (2015) dan Rollin McCraty (2016). Kajian melihat model Mengajar dari hati ke hati (MHH) amat berhubung dengan ciri-ciri yang terdapat pada Model Pengajaran Robert Glaser, Model Pengajaran Sim dan Model Taba.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif secara temu bual dijalankan kepada responden yang terdiri daripada pelajar, guru dan ibubapa. Terdapat 4 orang responden.

Responden	Pelajar (RP)	Guru (RG)	Ibu bapa (RI)
Jumlah	2	1	1
Jumlah keseluruhan	4		

Jadual 1: Taburan responden temu bual.

Soalan Temu bual yang lebih umum:

- 1- Apakah yang tuan/puan faham tentang mengajar dari hati ke hati?
- 2- Adakah terdapat keperluan kepada Model Mengajar dari Hati ke Hati (MHH)?
- 3- Apakah peranan pelajar, guru dan ibu bapa bagi menjayakan Model MHH?

Hasil Temu bual Responden untuk Soalan Temu bual 1: Apakah yang tuan/puan faham tentang mengajar dari hati ke hati?

“Mengajar dengan setulus ikhlas hati agar pelajar tersebut dapat memahami sesuatu pelajaran tersebut dengan baik.”

RP1

“Mengajar sesuatu dengan penuh keikhlasan dan kasih sayang.”

RP2

“Dapat faham masalah setiap pelajar dan cuba atasi. Sampaikan pelajaran dengan target setiap pelajar dapat. Guru dapat pelbagai jenis teknik mengajar bergantung kepada penerimaan seseorang pelajar”

RG1

“Mengajar dengan ikhlas hati dan kejujuran”

RI1

Hasil Temu bual Responden untuk Soalan Temu bual 2: Adakah terdapat keperluan kepada Model Mengajar dari Hati ke Hati (MHH)?

“Ya perlu...peredaran...sikap turut berubah...amat wajar diaplikasi agar manusia memiliki sikap yang baik.”

RP1

“Perlu agar sesuatu ilmu disampaikan dengan berkesan.”

RP2

“Ya. Perlu untuk tambah minat pelajar, akan cuba jawab ...meningkatkan prestasi. Pelajar akan lebih rapat dengan guru. Guru dapat pelbagaikan cara dan teknik. Ibu bapa dapat memahami masalah anak-anak.”

RG1

“Ya perlu supaya ilmu yang didapati tersebut mendapat keredhaan Allah.”

RI1

Hasil Temu bual Responden tentang Peranan Pelajar, Guru dan Ibubapa bagi menjayakan Model MHH.


Peranan/ Responden	Pelajar	Guru/pensyarah	Ibu bapa
RP1	Mudah memahami pelajaran.	Mendidik dengan berhemah dan bijak.	Melahirkan anak-anak yang berkhak mulia.
	Mudah ilmu masuk ke hati.	Membentuk peribadi pelajar dengan baik.	Elak masalah sosial dan aktiviti yang kurang berfaedah.
RP2	Mendengar arahan dari guru dengan sebaiknya.	Mengajar dengan penuh kasih sayang.	Memantau aktiviti anak-anak.
	Memahami setiap ilmu yang disampaikan	Memantau latihan yang diberi serta memandu satu persatu apa yang telah dipelajari.	Memastikan segala tugasan dibuat.
RG1	Tidak malu menyatakan masalah.	Faham pelajar.	Tidak memberi tekanan pada anak-anak.
	Sentiasa bertanya.	Pelbagai teknik ikut tahap pelajar.	Memahami masalah anak-anak.
RI1	Cemerlang dunia akhirat.	Mendidik dengan cemerlang.	Mendidik anak dengan baik.
	Mendapat ilmu yang berkat.	Membantu murid mempunyai tatasusila yang tinggi.	Membentuk anak menjadi anak soleh dan solehah.

Jadual 2: Hasil temu bual tentang peranan pelajar, guru/pensyarah dan ibu bapa.

Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden memahami tentang kepentingan hati dalam pengajaran. Responden bersetuju akan keperluan Model Mengajar dari hati ke hati (MHH). Respon yang diberikan responden menunjukkan peranan pelajar, guru dan ibu bapa amat diperlukan dalam menjayakan Model MHH.


Kerangka Model Mengajar dari hati ke hati (MHH)



Rajah 5: Ciri-Ciri Kerangka Model Mengajar dari hati ke hati (MHH) untuk penyampaian ilmu bahasa.

Kerangka Model Mengajar dari hati ke hati (MHH) untuk penyampaian ilmu bahasa terdiri daripada 4 komponen utama: Modul MHH 4K: 1-Kerana Allah (keikhlasan), 2- Kasih sayang, 3-Komited, 4- Kreatif. Model ini menjelaskan keutamaan ikhlas dari hati sebagai aset utama Model MHH seperti saranan Hadis Rasulullah saw. Hati yang ikhlas kerana Allah akan membantu pelajar, guru dan ibu bapa memiliki sikap kasih sayang, komited dan kreatif. Manakala amalan yang dilaksanakan kerana Allah dan penuh keikhlasan akan memandu seseorang untuk memiliki sikap kasih sayang. Disebabkan kasih sayang guru atau pensyarah akan mengajar dengan penuh komited. Komited yang tinggi akan menjana aplikasi kreatif agar pelajar memperoleh ilmu. Kesannya pensyarah akan berusaha menggunakan pelbagai cara dan pendekatan demi memastikan pelajar menguasai ilmu bahasa. Oleh itu Model MHH adalah satu cadangan pendekatan dalam usaha penyampaian ilmu bahasa. Model ini juga boleh digunakan untuk pengajaran ilmu-ilmu lain. Tunjangnya adalah hati yang mahu memberi ilmu dan menyemai hati pelajar agar menerima ilmu dengan baik. Ibu bapa pula disarankan mempunyai hati yang suci ikhlas dalam usaha mentarbiah anak-anak kerana usia muda mereka amat memerlukan perhatian.

Selain itu dapat dilihat bahawa pernyataan yang baik tentang hati amat sesuai dijadikan fokus utama pembinaan kerangka model pengajaran. Rollin McCraty (2016) menyatakan bahawa terdapat beberapa kajian yang menyatakan tentang ketegangan dan emosi amat memberi kesan kepada proses pembelajaran. Peranan hati sangat penting dalam segenap hal secara retorik sepatutnya dijelaskan dengan lebih mudah kerana ia membantu membina pemikiran aras tinggi, menyediakan pelajar untuk menerima ilmu, memandu dalam membuat keputusan dan juga mengawal emosi dan perwatakan. Pernyataan ini juga dikaitkan dengan bacaan denyutan jantung yang amat jelas membezakan keadaan hati ketika marah iaitu tampak berserabut dan tidak tersusun berbanding denyutan jantung yang ikhlas dengan bacaan denyutan yang tersusun, serata dan harmoni. Jelas keadaan hati yang baik membantu pelajar belajar bersama sokongan guru dan ibu bapa.



Rajah 6: Peranan Pelajar, Guru dan Ibu bapa untuk Model Mengajar dari Hati ke Hati (MHH)

Rajah berikut menjelaskan peranan pelajar, guru dan ibu bapa dalam mendalami komponen utama Model MHH = 4K. Kerjasama semua pihak akan melakarkan kecemerlangan pelajar dalam menguasai ilmu dan bahasa.

Kesimpulan

Kesimpulannya proses mendidik, menyampaikan ilmu dan bahasa adalah amalan mencabar yang mulia. Suasana pemberian dan penerimaan ilmu dan bahasa itu seharusnya berlaku dengan penuh keikhlasan dan kasih sayang. Aset utama adalah hati. Hati yang beramal kerana Allah akan mencetuskan keikhlasan. Keikhlasan akan melahirkan kasih sayang. Sesuatu yang dilakukan dengan kasih sayang akan membuahkan bentuk pelaksanaan yang diperlukan tanpa paksaan. Kesannya perbuatan itu dilaksanakan dengan komited dan kreatif. Maka dapatan kajian merumuskan bahawa Kerangka Model MHH sebagai pendekatan untuk penyampaian ilmu bahasa terdiri daripada 4 komponen utama iaitu keikhlasan, kasih sayang, komited dan kreatif (4K). Ciri-ciri ini akan membantu pelajar dalam bidang akademik dan pembinaan sendiri. Anak-anak yang hebat dan pelajar yang cemerlang adalah refleksi kejayaan guru atau pensyarah dan ibu bapa.

Rujukan

- Adnan Mat Ali & Muhammad Firdaus Abdul Manaf. (2014). Kekangan Bertutur Dalam Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar BASL. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*. KUIS. Kuala Lumpur. 17-18 November 2014.
- Ahmad Atoa. (2017). *Pendekatan Imam Al-Ghazali dalam Pendidikan*. Nota Pengajaran di Masjid JAIS.
<http://pendidikan.jais.gov.my/sites/default/files/PENDEKATAN%20IMAM%20AL-GHAZALI%20DALAM%20PENDIDIKAN%202.pdf>. 16 May 2019.
- Ahmad Taufik. (t.t).
<https://guruipskudu.wordpress.com/artikel-pendidikan/mengajar-dengan-hati/>. 20 Sept 2018.
- Akhmad Syahbudin. (2017). Konsep Pendidikan Hati Ahmad Fahmi Zamzam. *Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora*. Vol. XV, No. 1, 2017. 67-88.
DOI: <http://dx.doi.org/10.18592/khazanah.v15i1.1138>. 16 May 2019.
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Arab. *GEMA Online Journal of Languages Studies*. 12 (12), 645-666.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran Bahasa. *GEMA Online Journal of Languages Studies*. 12 (1), 325-337.

- Gan, Z. (2012). Understanding L2 Speaking Problems: Implications for ESL Curriculum Development in a Teacher Training Institution in Hong Kong. *Australian Journal of Teacher Education*. 37 (1), 42-59.
- Mohd Norzi & Ahmad Yani. (2015). Qalbu, Hati dan Pendidikan Menurut Pandangan Alam Barat Dan Pandangan Alam Islam. *International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2015)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Langkawi, 26 – 27 August 2015.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi. (2015). Strategi Pendidikan Hati Ke Hati: Pengalaman Di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (Isdev), Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan Vol. 24 Iss. 3 ISSN 1675-1930*. Universiti Teknologi Malaysia: 40 – 63.
- Mustari, M. I., Jasmi, K. A., Muhammad, A. & Yahya, R. (2012). Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])*. ISBN 99917-44-89-4. Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 867-878.
- Rollin McCraty. (2016).
<https://www.heartmath.org/assets/uploads/2015/01/scientific-role-of-the-heart.pdf>
20 Sept 2018.
- Routledge. (2019). Book Chapter. Roland Barth. *Learning By Heart*.
<https://dx.doi.org/10.4324/>. 16 May 2019.
- Rusul Alrubail. (2015).
<https://www.edutopia.org/discussion/heart-teaching-what-it-means-be-great-teacher/>.
20 Sept 2018.
- Sheikh Abd Rahman Ibn Fahd. (2017).<https://ar.islamway.net/article/68542>. 20 Sept 2018.
<https://dorar.net/aqadia/3205>. 20 Sept 2018.
- <http://www.dakwatuna.com/2014/08/25/56209/mendidik-dengan-hati-royalti-menanti/#ixzz5ReVkhXyQ>. 20 Sept 2018.